

07/05/2001

Kes enam pemimpin mungkin diserahkan kepada BPR

Kadir Dikoh

SUBANG JAYA, Ahad - Umno mungkin menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) kes enam pemimpin parti itu termasuk tiga ketua bahagian, yang didapati bersalah kerana terbabit dalam penggunaan politik wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau ada keperluan, kita akan serah (kepada BPR)," kata Presiden Umno sebagai mengulas keputusan Lembaga Disiplin Umno semalam yang mendapati enam pemimpin terbabit bersalah menggunakan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Mereka ialah Ketua Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawi; Ketua Penerangan Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Bahagian Baling, Datuk Zainol Mohd Isa yang juga Exco Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Kedah; Ketua Penerangan Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Semalam, Pengerusi lembaga itu, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata keenam-enam mereka dijatuhi hukuman termasuk digantung hak bertanding atau dilantik sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun dan juga hak mengundi pada pemilihan parti pada semua peringkat selama tempoh itu.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kesalahan enam anggota itu satu persatu.

Dr Mahathir berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membuat perakuan kepada syor Lembaga Disiplin dan selepas itu, keputusan berkenaan akan dianggap muktamad. MT akan bermesyuarat Selasa ini.

"Kita serah ini kepada lembaga. Kalau lembaga membuat syor, MT akan mengesahkannya. Kita tidak boleh tolak dengan mudahnya keputusan lembaga...kalau tidak kita (Umno) hilang kewibawaan," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali merasmikan pameran "Dinosaur Animatronik Terbesar di Dunia" di pusat beli-belah The Summit USJ di sini, hari ini.

MT Umno pada mesyuaratnya 16 April lalu memutuskan akan melaporkan terus kepada BPR ke atas ahli parti yang terbukti menggunakan wang dalam kempen pemilihan peringkat bahagian.

Selain dirujuk kepada BPR dan dikenakan tindakan disiplin oleh parti, jawatan mereka yang menang dikira batal walaupun selepas pemilihan berakhir. Calon yang kalah juga akan dikenakan tindakan serupa jika mereka turut menggunakan wang. Perdana Menteri berkata, Umno serius dalam usaha untuk menghapuskan penggunaan politik wang, walaupun ramai yang berasa kecewa berikutan tindakan terhadap enam ahli terbabit kerana mereka mungkin tidak boleh bergerak lagi dalam Umno.

"Tetapi bagi kita, keadaan ini mesti kita tamatkan dengan segera, walaupun ini akan mengurangkan sokongan. Kita harap orang lain yang ingin melihat Umno ini bersih akan memberi sokongan kepada Umno.

"Kalau orang lain tak bagi sokongan, jadi sia-sia sahajalah kita cuba nak membersihkan Umno. Kita berniat untuk melihat negara kita ini diperintah oleh parti-parti yang bersih dan juga politik di negara Malaysia juga akan menjadi politik yang bersih, tidak terbabit dengan wang," katanya.

Ditanya mengapa Umno tidak melarang mereka yang dikenal pasti menggunakan politik wang daripada menyertai pertandingan sebelum ini, beliau berkata berdasarkan peraturan, MT akan membuat keputusan muktamad.

"Yang muktamad sekali ialah apabila MT sahkan. Mungkin kerana belum disahkan, maka mereka teruskan juga dengan pertandingan. Tetapi apabila kita sahkan (syor Lembaga Disiplin), mereka bertanding....menang pun, mereka akan digugur (daripada jawatan).

Mengenai kedudukan Zainol sebagai ahli exco Kedah, beliau berkata, setakat ini kes itu cuma berkaitan parti.

"Ini cuma berkenaan parti sahaja. Yang lain kita tak campurlah, itu tugas orang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Umno belum lagi memutuskan sama ada pemilihan semula perlu diadakan bagi tiga jawatan ketua bahagian itu atau melantik timbalan ketua untuk memangku tugas berkenaan.

Mengenai laporan siasatan jawatankuasa khas terhadap dakwaan Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, beliau berkata pihaknya perlu meneliti terlebih dahulu laporan itu.

"Yang itu kita tak tahu lagi, apa dia laporannya. Bila kita dapat laporan kita fikirlah," katanya.

Semalam, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, laporan mengenai dakwaan Fauzi sudah siap dan akan diserahkan kepada MT secepat mungkin.

Jawatankuasa yang dipengerusikan Tan Sri Zaki Tun Azmi itu sudah mendengar semua keterangan yang diperlukan untuk menyiasat dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah itu.

Siasatan jawatankuasa itu dibuat berhubung dakwaan Fauzi mengenai politik wang dalam pencalonan jawatan ketua bahagian di Beserah, Mac lalu.

(END)